



MERS-CoV

(Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus)

Nasihat Kesihatan Untuk Jemaah Haji & Umrah




Tanda-tanda penyakit MERS-CoV ialah:

Demam
(38°C dan ke atas)



Batuk



Kesukaran Bernafas

Semasa di Tanah Suci, selalu amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer), terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman.

Jika anda mengalami gejala demam (38°C dan ke atas), batuk atau kesukaran bernafas semasa berada di Tanah Suci, jangan tunggu sehingga pulang ke Malaysia.

Dapatkan rawatan segera dari fasiliti berhampiran di sana.

Jika dalam tempoh 14 hari ketibaan di Malaysia dari Tanah Suci, anda mula mengalami gejala demam (38°C dan ke atas), batuk atau kesukaran bernafas, dapatkan rawatan segera.

Jangan lupa maklumkan kepada doktor yang merawat mengenai sejarah perjalanan terkini anda.

Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (mask) serta bahan pencuci tangan (hand sanitizer) untuk digunakan apabila perlu.



Jika bergejala, hadkan pergaulan dengan individu sihat di sekeliling anda bagi mengelakkan dari berlaku penularan jangkitan kepada mereka.



Jemaah Haji Dan Umrah



PENULARAN JANGKITAN MERS-COV MELALUI PENDEDAHAN LANGSUNG KEPADA UNTA
Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)

1



Unta yang dijangkiti MERS-CoV mungkin tidak menunjukkan sebarang gejala jangkitan. Jadi, sebaik-baiknya elakkan kontak langsung kepada haiwan tersebut.

2



Virus MERS-CoV mungkin terdapat pada organ dalaman dan daging unta yang dijangkiti. Jadi, sebelum dimakan, masaklah ia dengan sempurna.

3



Unta yang dijangkiti MERS-CoV mungkin menyebarkanjangkitan melalui cairan mata dan hidungnya, serta najis dan cairan badannya yang lain seperti darah, air kencing dan susu. Jadi, didihkan dahulu susu unta sebelum meminumnya.

4



Langkah pencegahan terbaik adalah dengan mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi dan mengelakkan kontak langsung kepada unta.

Sumber: WHO Mers-CoV Global Summary And Risk Assesment. 5 December 2016
WHO Mers-CoV Fact Sheets. June 2015



Kementerian Kesihatan Malaysia



KKMPutrajaya

